



جَابَاتِن مَفْتِنِ كَرِي قَلَمِ

TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 07/2024



AWAL MUHARAM

5 JULAI 2024 / 28 ZULHIJAH 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Ta'ala di dunia dan akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ‘Azza wa Jalla,

Beberapa hari lagi, kita akan masuk ke bulan Muharam 1446 Hijrah, yang merupakan permulaan kalendar baru umat Islam. Sebelum kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam, orang Arab mengamalkan sistem takwim secara bulanan tanpa hitungan tahun. Semasa pemerintahan Saidina Umar bin al-Khattab radiallahu anhu, selari dengan perluasan wilayah umat Islam, beliau berpandangan bahawa umat Islam perlu mempunyai sistem kalendar yang menghitung tahun. Setelah mengambil kira pandangan para sahabat, Saidina Umar radiallahu anhu berijtihad untuk memulakan hitungan tahun Islam bermula daripada tahun berlakunya peristiwa hijrah dan menjadikan bulan Muharam sebagai bulan pertama dalam takwim hijrah, bersempena dengan semangat baru umat Islam baru selesai kembali dari ibadah haji.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ‘Azza wa Jalla,

Demikianlah betapa pentingnya erti hijrah dalam Islam. Hijrah secara umumnya bermaksud berusaha menjadi lebih baik daripada sebelumnya. Semasa zaman awal Islam, setelah lebih 12 tahun Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam dan para sahabat disekat dalam berdakwah di Makkah, maka Baginda telah diperintah untuk berhijrah ke Madinah, kerana pada perintah hijrah itu ada rahmat di sisi Allah Ta’ala. Firman Allah Ta’ala dalam Surah al-Baqarah ayat 218:



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ اللَّهِ وَاللَّهُ غَفُورٌ
رَّحِيمٌ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya orang yang beriman, dan orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah orang yang mengharapkan rahmat Allah. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*”

Selain itu, apabila kita mempelajari hadis mengenai niat dan keikhlasan beramal, maka contoh yang diajar oleh Nabi juga membabitkan hijrah. Sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam dalam hadis riwayat al-Bukhari:

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya setiap perbuatan itu tergantung kepada niatnya, dan (balasan) bagi setiap orang tergantung kepada apa yang diniatkan. Sesiapa yang berhijrah kerana Allah dan Rasul-Nya, bagi hijrahnya adalah kepada Allah dan Rasul-Nya. Sesiapa yang berniat hijrah kerana dunia yang ingin dicapai, atau wanita yang ingin dinikahinya, maka hijrahnya mengikut apa yang dia berhijrah kepadanya.*”



Sidang Jumaat yang dimulihkan,

Peristiwa Hijrah mengajar erti persaudaraan sebagai rukun terpenting dalam membina kekuatan negara. Baginda berusaha keras untuk memperdamaikan suku Aus dan Khazraj yang dikenali sebagai kaum Ansar, dan mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar, kerana tabiat Islam itu hanya akan kuat sekiranya umatnya bersatu. Hijrah juga mendidik betapa pentingnya ilmu pengetahuan dalam masyarakat. Ini dapat dilihat apabila Baginda terlebih dahulu menghantar Mus'ab bin Umair Radiallahu Anhu, anak seorang pembesar Makkah tetapi hebat berdakwah, dan Abdullah bin Ummu Maktum Radiallahu Anhu, seorang buta yang celik hatinya, untuk mengajar al-Quran kepada penduduk Madinah sebelum hijrah.

Antara rahmat di sebalik hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam ke kota Madinah, ialah Islam berjaya mendapat kuasa pemerintahan. Dengan kuasa inilah, usaha dakwah mudah dilaksanakan. Ramai manusia mula memeluk Islam. Para Sahabat Radiallahu Anhum juga membentuk sistem pertahanan yang kuat, yang dapat menangkis cubaan serangan musyrikin Makkah untuk melemahkan Islam. Mereka belajar betapa Islam tidak boleh kekal selesa di satu tempat, tetapi sebaliknya perlu dikembangkan rahmatnya ke seluruh alam menerusi misi dakwah dan jihad.



Hasil daripada pengorbanan dan kesungguhan, dengan semangat hijrah, dalam tempoh satu kurun selepas kewafatan Nabi, akhirnya rahmat Islam telah sampai kepada umat manusia, dari Marakesh di Maghribi hinggalah ke Kepulauan Melayu.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ‘Azza wa Jalla,

Agak menyedihkan pada hari ini, kerana dalam semangat Ma'al Hijrah ini, bumi Palestin masih lagi dikuasai oleh rejim Zionis. Serangan yang dilakukan ke atas Gaza adalah merupakan satu jenayah perang dan keganasan. Malangnya kekejaman ini masih mendapat sokongan segelintir kuasa besar dunia. Begitu juga provokasi dan sekatan ke atas Masjidil Aqsa oleh pelampau Zionis, adalah merupakan kebiadaban berasaskan perkauman yang bercanggah dengan nilai kemanusiaan.

Sebahagian umat Islam mungkin tertanya-tanya, mengapa penduduk Palestin tidak berhijrah sahaja keluar untuk mendapat kehidupan yang lebih sempurna. Bukankah bumi Allah ini luas? Mengapa mereka tidak berhijrah sahaja ke negara lain? Hakikatnya, apabila umat Islam membuka Palestin, maka tiada pilihan baginya melainkan perlu menjaga kota suci itu berteraskan keadilan Islam. Jika dilihat kepada sikap pelindung kota Palestin, seperti Saidina Umar bin Al-Khattab Radialllahu Anhu, Salahuddin al-Ayyubi dan Saifuddin Qutuz rahimahumallah,



mereka mempunyai sikap yang sama, iaitu mentadbir wilayah berkenaan secara aman dan damai bersama penganut agama lain, sehingga mereka rasa selesa berada di bawah pemerintahan Islam. Namun apabila umat Islam berpecah, kota tersebut jatuh ke tangan penguasa yang zalim.

Umat Islam perlu kekal berada di bumi Palestin. Ini selari dengan sabda Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam, seperti yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad rahimahullah yang bermaksud: *“Sentiasa ada dalam kalangan umatku, yang menyerlahkan diri mereka secara terbuka dan nyata, menegakkan agama, menghadapi musuh dengan gagah perkasa, tidak boleh dikalahkan oleh orang yang memusuhi mereka, sehinggalah datangnya perintah Allah (memenangkan mereka) dalam keadaan mereka terus meneruskan perjuangannya”*. Lalu para sahabat bertanya: *“Siapakah mereka itu wahai Rasulullah dan di mana mereka berada?”* Sabdanya: *“Di Baitulmaqdis dan sekitar Baitulmaqdis”*

Kesimpulannya, marilah kita bersama-sama menghayati semangat hijrah dengan mengeratkan lagi persaudaraan sesama umat Islam di negeri ini. Selain itu, jangan sama sekali kita lupa peranan untuk mempertahankan Palestin. Teruskan berdoa dan infak dalam tabung Palestin. Doakan agar umat Islam terus bertahan dan



kekal di sana dalam mempertahankan al-Aqsa. Yakinlah, kemenangan itu semakin dekat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْثَرُ دَرَجَةً
عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ

الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ

الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ

الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ

الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.